



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

PINDAAN TAKWIM PENGGAL PERSEKOLAHAN TAHUN 2020

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memaklumkan bahawa sekolah akan dibuka semula pada **24 Jun 2020 (Rabu)** melibatkan murid Tingkatan 5 dan 6 yang akan menduduki peperiksaan awam iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan peperiksaan antarabangsa yang setara.

Sehubungan dengan itu, KPM telah membuat pindaan Takwim Penggal Persekolahan Tahun 2020 untuk membantu pihak sekolah membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran murid. Pindaan melibatkan Cuti Pertengahan Penggal 2 yang telah dikurangkan daripada sembilan (9) hari kepada lima (5) hari bagi sekolah-sekolah Kumpulan A (Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu) dan Kumpulan B (Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya). Selain itu, Cuti Akhir Tahun bagi sekolah-sekolah dalam Kumpulan A telah dikurangkan daripada 42 hari kepada 14 hari manakala sekolah-sekolah dalam Kumpulan B telah dikurangkan daripada 41 hari kepada 13 hari.

Oleh itu, jumlah hari persekolahan secara bersemuka berdasarkan pindaan Takwim Penggal Persekolahan Tahun 2020 adalah sebanyak 168 hari bagi semua sekolah. Manakala bilangan hari pembelajaran di rumah semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan adalah sebanyak 56 hari bagi sekolah dalam negeri Kumpulan A dan bilangan hari pembelajaran di rumah dan bagi sekolah dalam negeri Kumpulan B adalah sebanyak 55 hari. Bilangan hari pembelajaran di rumah ini hanya terpakai kepada murid Tingkatan 5 dan 6 sahaja sementara bagi murid lain bergantung kepada bila mereka akan kembali ke sekolah kelak.

Takwim Penggal Persekolahan 2020 yang telah dipinda boleh diperoleh melalui laman sesawang <https://www.moe.gov.my/takwim/takwim-persekolahan-pindaan-2020>.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

23 JUN 2020